



# INTERNATIONAL JOURNAL OF EDUCATION, PSYCHOLOGY AND COUNSELLING (IJEPC)

[www.ijepec.com](http://www.ijepec.com)



## PENYUSUSAN EKSKLUSIF: ASAS PEMBENTUKAN KESIHATAN BAYI DAN KESEJAHTERAAN KELUARGA

### *EXCLUSIVE BREASTFEEDING: THE FOUNDATION OF INFANT HEALTH AND FAMILY WELL-BEING*

Zaifuddin Md Rasip<sup>1\*</sup>, Haslina Ibrahim<sup>2</sup>, Siti Nurhafizan Panglima<sup>3</sup>

<sup>1</sup> Fakulti Pengajian Islam, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia

Email: [zaifuddin@ums.edu.my](mailto:zaifuddin@ums.edu.my)

<sup>2</sup> Kuliyah Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan AbdulHamid AbuSulayman (AHAS KIRKHS) Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

Email: [haslina@iium.edu.my](mailto:haslina@iium.edu.my)

<sup>3</sup> Fakulti Pengajian Islam, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia

Email: [hafizanpanglima@ums.edu.my](mailto:hafizanpanglima@ums.edu.my)

\* Corresponding Author

#### Article Info:

##### Article history:

Received date: 27.03.2025

Revised date: 17.04.2025

Accepted date: 27.05.2025

Published date: 26.06.2025

##### To cite this document:

Rasip, Z. M., Haslina Ibrahim, H., & Panglima, S. N. (2025). Penyusuan Eksklusif: Asas Pembentukan Kesihatan Bayi dan Kesejahteraan Keluarga. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 10 (58), 886-901.

DOI: 10.35631/IJEPC.1058056.

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



#### Abstrak:

Penyusuan susu ibu secara eksklusif merupakan satu bentuk penjagaan awal yang bukan sahaja menjamin pemakanan optimum kepada bayi, tetapi turut memainkan peranan penting dalam membentuk kesihatan fizikal, imunologi dan perkembangan psikososial secara menyeluruh. Kajian ini bertujuan meneliti kepentingan penyusuan eksklusif dari pelbagai dimensi, termasuk kandungan kolostrum, peranan ibu susuan, serta panduan syariah Islam yang memberi sokongan terhadap amalan ini. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berbentuk sorotan literatur melalui analisis tematik terhadap sumber-sumber akademik, termasuk artikel jurnal, laporan organisasi kesihatan, kitab tafsir dan hadith. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kolostrum yang hanya terdapat dalam susu ibu berperanan sebagai pelindung awal semula jadi bayi dengan kandungan antibodi, immunoglobulin, vitamin larut lemak dan enzim-enzim penting. Selain itu, peranan ibu susuan yang diamalkan sejak zaman Nabi Muhammad SAW terbukti memberi manfaat kepada bayi apabila ibu kandung tidak dapat menyusukan, serta menunjukkan wujudnya sistem sokongan sosial yang menyeluruh dalam masyarakat. Islam juga tampil sebagai satu-satunya agama yang menggariskan peraturan khusus tentang penyusuan dalam al-Quran dan hadith, selari dengan saranan kesihatan global seperti WHO. Kajian ini menyimpulkan bahawa penyusuan susu ibu secara eksklusif merupakan gabungan antara keperluan biologi, spiritual dan sosial yang memberi impak besar terhadap kesihatan bayi dan ketahanan institusi

keluarga. Justeru, usaha bersepadu antara individu, keluarga dan negara perlu diperkukuh untuk menyokong amalan ini secara meluas.

**Kata kunci:**

Antibodi, Imunisasi Awal, Kesihatan Bayi, Kolostrum, Nutrisi Semula Jadi, Penyusuan Eksklusif

**Abstract:**

Exclusive breastfeeding is a natural form of early care that not only provides optimal nutrition to infants but also plays a crucial role in supporting their physical health, immunological resilience, and psychosocial development. This study aims to examine the significance of exclusive breastfeeding from multiple perspectives, including the biological value of colostrum, the social role of wet nursing, and Islamic legal guidance that promotes this practice. Employing a qualitative approach in the form of a literature review, this study uses thematic analysis of scholarly sources, including journal articles, health organization reports, Quranic exegesis, and Hadith compilations. The findings reveal that colostrum, found only in breast milk, serves as the infant's first natural vaccine, rich in antibodies, immunoglobulins, fat-soluble vitamins, and essential enzymes. Additionally, the practice of wet nursing, which dates back to the time of Prophet Muhammad (SAW), proves beneficial in situations where the biological mother is unable to breastfeed, reflecting a strong community-based support system. Islam is unique in prescribing detailed legal provisions on breastfeeding through the Quran and Hadith, aligning closely with global health recommendations such as those by WHO. The study concludes that exclusive breastfeeding integrates biological necessity, spiritual values, and social responsibility, all of which contribute significantly to infant health and family well-being. Therefore, a concerted effort among individuals, families, and national institutions is essential to promote and sustain exclusive breastfeeding practices.

**Keywords:**

Antibodies, Colostrum, Early Immunization, Exclusive Breastfeeding, Infant Health, Natural Nutrition

**Pendahuluan**

Penyusuan Eksklusif merupakan anugerah fitrah yang dikurniakan Allah SWT kepada setiap wanita sebagai ibu. Ia bukan sekadar satu proses fisiologi, tetapi mencerminkan rahmat dan hikmah Ilahi dalam menyediakan sistem pemakanan semula jadi yang sempurna bagi setiap bayi (Khotimah, 2024). Dari sudut biologi, tubuh wanita selepas melahirkan anak telah diprogramkan secara automatik untuk menghasilkan susu ibu yang kaya dengan nutrien penting (Afrida & Sulistyorini, 2024). Proses ini berlaku secara semula jadi dan sistematik tanpa perlu dikawal secara sedar, sekali gus menunjukkan keajaiban ciptaan Allah SWT dalam memastikan bayi memperoleh makanan pertama yang paling sesuai dengan sistem tubuhnya yang masih lemah dan belum matang.

Namun begitu, dalam era moden yang serba pantas, semakin ramai ibu moden beralih kepada susu formula kerana faktor kerjaya, kekangan masa, kekurangan sokongan sosial, serta pengaruh pemasaran produk pengganti susu ibu. Statistik Kementerian Kesihatan Malaysia

(2021) menunjukkan bahawa kadar penyusuan susu ibu secara eksklusif dalam kalangan ibu di Malaysia masih belum mencapai sasaran yang ideal. Kajian Lemin, Annamma, & Puziah (2023) menunjukkan hanya sekitar 18% bayi menerima penyusuan eksklusif selama enam bulan pertama kehidupan. Isu ini memberi gambaran tentang jurang yang besar antara kesedaran terhadap manfaat penyusuan dan pelaksanaannya dalam realiti masyarakat masa kini.

Susu ibu merupakan sumber makanan yang paling lengkap, seimbang dan mudah dihadam untuk bayi, terutama ketika sistem pencernaannya masih belum matang. Komposisi unik dalam susu ibu termasuk antibodi semula jadi, menjadikan ia sebagai pelindung awal terhadap pelbagai jangkitan (Astuti & Rahfiludin, 2022). Sejak zaman dahulu, penyusuan susu ibu, sama ada oleh ibu kandung atau ibu susuan, telah menjadi amalan utama dalam pelbagai tamadun termasuk masyarakat Arab dan Islam (Rasip, Kadri & Ramlee, 2024). Tradisi ini mencerminkan tahap kesedaran sosial yang tinggi terhadap kepentingan penyusuan dalam menyokong kesihatan dan kelangsungan hidup bayi.

Islam sendiri memberikan perhatian serius terhadap amalan penyusuan. Firman Allah SWT dalam Surah al-Baqarah ayat 233 menyatakan:

وَالْوَالِدَاتُ يُرْضِعْنَ أَوْلَادَهُنَّ حَوْلَيْنِ كَامِلَيْنِ

*"Para ibu hendaklah menyusukan anak-anaknya selama dua tahun penuh..."*

*Surah al-Baqarah 2:233*

Ayat ini meletakkan asas bahawa penyusuan bukan hanya tanggungjawab ibu, tetapi juga memerlukan sokongan dan komitmen daripada bapa. Syariat Islam menetapkan tempoh dua tahun sebagai penyusuan sempurna (al-Sobuni, 2001), selaras dengan dapatan kajian Else-Quest, Hyde, & Clark (2003) yang mendapati penyusuan ibu menyumbang kepada kesihatan fizikal, imuniti, dan perkembangan psikologi anak yang lebih baik.

Kisah Nabi Musa A.S. turut mengangkat nilai agung penyusuan dalam penjagaan awal kanak-kanak, apabila Allah SWT berfirman: وَأَوْحَيْنَا إِلَىٰ أُمِّ مُوسَىٰ أَنْ أَرْضِعِيهِ — *"Dan Kami ilhamkan kepada ibu Musa: Susuilah dia..."* (Surah al-Qasas 28:7), serta ayat, فَرَدَدْنَاهُ إِلَىٰ أُمِّهِ — *"Maka Kami kembalikan Musa kepada ibunya..."* (Surah al-Qasas 28:13). Menurut Qutub (1983), peristiwa ini menjadi bukti bahawa hubungan keibuan melalui penyusuan adalah fitrah semula jadi yang dipelihara oleh Allah sendiri. Ia bukan sekadar tindakan fizikal, tetapi ikatan emosi yang memberi ketenangan kepada ibu dan keselamatan kepada anak. Kajian moden turut menyokong hakikat ini; Restrepo-Gualteros & Escobar-Córdoba (2022) menegaskan bahawa penyusuan eksklusif menyumbang secara langsung kepada kestabilan emosi bayi dan kesejahteraan institusi keluarga.

Sehubungan itu, artikel ini bertujuan untuk mengkaji penyusuan eksklusif dari pelbagai sudut termasuk aspek kesihatan fizikal dan psikologi bayi, kepentingan kolostrum, perbandingan antara susu ibu dan formula, serta cabaran pelaksanaannya dalam konteks Malaysia. Selain itu, perbincangan ini turut mengetengahkan pendekatan Islam terhadap penyusuan dan hikmah pensyariatannya. Dengan pendekatan interdisiplin yang merangkumi ilmu sains dan syariah, artikel ini diharap dapat memperkukuh kefahaman dan kesedaran masyarakat terhadap

kepentingan penyusuan eksklusif sebagai asas pembentukan kesihatan bayi dan kesejahteraan keluarga.

### Objektif Kajian

1. Menganalisis kelebihan penyusuan susu ibu secara eksklusif terhadap kesihatan fizikal, imunologi, dan perkembangan neurologi bayi. Objektif ini berpandukan dapatan yang menunjukkan manfaat penyusuan susu ibu termasuk peranan kolostrum, kandungan zat unik, dan kesan terhadap perkembangan otak bayi.
2. Meneliti peranan ibu susuan dalam menyokong penyusuan eksklusif dalam konteks sosial, sejarah dan syariah Islam. Objektif ini merujuk kepada sorotan sejarah dan pandangan Islam mengenai ibu susuan sebagai pelengkap dalam amalan penyusuan apabila ibu kandung tidak dapat menyusukan anak.
3. Menghuraikan galakan syariah dan cabaran pelaksanaan penyusuan eksklusif di Malaysia, serta usaha intervensi yang telah diperkenalkan. Objektif ini berdasarkan dapatan berkaitan cabaran penyusuan eksklusif di Malaysia serta dasar dan inisiatif oleh kerajaan dan badan antarabangsa untuk mengatasi isu ini.

### Metodologi kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berbentuk sorotan literatur untuk meneliti secara mendalam konsep penyusuan susu ibu secara eksklusif, peranan ibu susuan, serta galakan syariah dan amalan kontemporari dalam konteks kesihatan bayi dan kesejahteraan keluarga. Reka bentuk kajian ini bukan dalam bentuk empirikal, sebaliknya memfokuskan kepada penyusunan data sedia ada dan tidak melibatkan kerja lapangan secara langsung seperti soal selidik atau temuduga. Data dikumpulkan secara dokumentasi daripada pelbagai sumber primer dan sekunder seperti jurnal ilmiah terkini (terbitan antara tahun 2021 hingga 2025), buku akademik, laporan rasmi badan kesihatan seperti Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), kitab tafsir, dan koleksi hadith sahih. Lokasi kajian ini merujuk kepada platform digital dan perpustakaan akademik, termasuk Pangkalan Data ProQuest, Scopus, Google Scholar dan Perpustakaan UMS.

Pemilihan sumber dilakukan secara purposif, berdasarkan kesesuaian dengan objektif kajian dan tahap kredibiliti serta autoriti penulis. Sumber-sumber yang dipilih dianalisis menggunakan kaedah analisis tematik, iaitu dengan mengenal pasti tema-tema utama seperti manfaat kolostrum, kelebihan fisiologi penyusuan susu ibu, peranan ibu susuan, serta pendekatan Islam terhadap penyusuan. Tema-tema ini dibina berdasarkan pengelompokan isi kandungan, kekerapan konsep yang muncul, dan kesepakatan dalam penemuan kajian terdahulu. Teknik triangulasi literatur digunakan untuk meningkatkan kebolehpercayaan dapatan melalui perbandingan silang antara pelbagai jenis sumber (seperti data saintifik dan teks agama), bagi menghasilkan sintesis ilmu yang seimbang antara perspektif sains dan syariah. Kajian ini tidak menggunakan instrumen seperti soal selidik atau protokol temuduga, dan tiada instrumen yang diadaptasi atau diadopsi daripada kajian lepas, memandangkan ia bersifat analisis kandungan dan bukan kajian lapangan.

### Sorotan Literatur

Dalam era moden, susu formula menjadi alternatif yang semakin mendapat tempat, terutamanya dalam kalangan ibu bekerja. Walau bagaimanapun, kajian menunjukkan bahawa khasiatnya tidak dapat menandingi kelebihan penyusuan susu ibu. Menurut Pomeranz et al. (2023), pelbagai penyelidikan mengesahkan bahawa susu formula tidak mampu menawarkan perlindungan dan zat pemakanan yang setara dengan susu ibu. Meskipun maklumat ini telah

diketahui secara meluas, syarikat pengeluar masih menggunakan pelbagai strategi pemasaran bagi menarik perhatian ibu hamil dan ibu dalam tempoh pantang. Antara taktik yang digunakan ialah dengan menyisipkan mesej sokongan penyusuan serta panduan penjagaan bayi pada pembungkusan produk dan bahan promosi mereka. Strategi ini menunjukkan bagaimana pengaruh komersial boleh membentuk keputusan ibu, walaupun penyusuan eksklusif terbukti lebih berkesan dalam menyokong kesihatan bayi dan keharmonian keluarga.

Satu aspek penting yang membezakan susu ibu dengan susu formula ialah kehadiran kolostrum, susu awal yang berwarna kekuningan dan hanya dihasilkan dalam beberapa hari pertama selepas bersalin. Kolostrum tidak terdapat dalam susu formula. Talbert, Jones & Mataza (2020) menegaskan bahawa kolostrum kaya dengan antibodi dan nutrien penting yang bertindak sebagai pelindung semula jadi kepada bayi, khususnya dalam melawan jangkitan dan membantu sistem penghadaman bersedia menerima nutrien seterusnya. Tanpa kolostrum, susu formula tidak dapat memenuhi keperluan imunologi dan pemakanan penting yang diperlukan oleh bayi pada tahap awal perkembangan. Oleh itu, penyusuan Eksklusif dilihat sebagai asas kritikal kepada kesihatan holistik bayi dan kesejahteraan keluarga.

Rasip et al. (2024) menyatakan bahawa kolostrum bersifat alkali dan mengandungi kandungan protein yang tiga kali lebih tinggi berbanding susu matang, menjadikannya seumpama vaksin semula jadi yang amat penting bagi bayi yang baru dilahirkan. Kolostrum berfungsi sebagai benteng awal pertahanan tubuh bayi dengan memberikan perlindungan terhadap pelbagai penyakit berjangkit seperti cirit-birit, selesema, dan radang paru-paru (pneumonia), yang sering menyerang bayi dalam peringkat awal kehidupan. Selain itu, kolostrum juga mengandungi pelbagai faktor imun dan antibodi yang membantu mempercepatkan kematangan sistem penghadaman dan imunisasi bayi. Justeru, dalam tempoh kritikal ini, penyusuan susu ibu perlu dimulakan seawal mungkin, sebaik-baiknya dalam masa 30 minit pertama selepas kelahiran, agar bayi dapat menerima manfaat kolostrum secara optimum. Permulaan penyusuan yang segera ini bukan sahaja menjamin bekalan nutrien dan perlindungan terbaik kepada bayi, tetapi turut memperkuat ikatan awal antara ibu dan anak, di samping merangsang penghasilan susu ibu yang berterusan.

Selain antibodi dan sel darah putih, kolostrum juga mengandungi pelbagai komponen penting seperti imunoglobulin, laktoperoksidase serta vitamin dan mineral larut lemak seperti A, D, E dan K (Sova, Evie & Hasni, 2022). Unsur-unsur ini menyokong kesihatan sistem penghadaman dan pernafasan bayi serta membantu mencegah jangkitan usus dan saluran pernafasan. Penyusuan Eksklusif bukan sahaja menjamin bekalan nutrisi yang optimum, tetapi juga merangsang pertumbuhan fizikal dan mengukuhkan sistem imun bayi. Justeru itu, penyusuan Eksklusif selama enam bulan pertama kehidupan amat digalakkan bagi memastikan asas kesihatan bayi terbentuk secara menyeluruh.

Selain ibu kandung, penyusuan juga boleh dilakukan oleh ibu susuan. Walaupun kelazimannya penyusuan dilakukan oleh ibu sendiri, peranan ibu susuan amat signifikan apabila ibu kandung tidak mampu menyusukan anak. Menurut Thorley (2009), penyusuan oleh ibu susuan tetap memberi manfaat besar kepada bayi dari sudut pemakanan dan kestabilan emosi. Perkara ini menunjukkan wujudnya sistem sokongan sosial yang berperanan memastikan setiap bayi memperoleh akses kepada pemakanan sempurna tanpa mengira keadaan keluarga.



Dalam konteks Islam, penyusuan bayi mendapat perhatian yang tinggi dalam struktur kekeluargaan. Islam secara khusus membahaskan isu ini melalui bab al-Raḍā'ah, iaitu perundangan penyusuan dalam syaria Islam (Mohd Tamyas & Mat Hussin, 2020). Malah, Islam merupakan satu-satunya agama yang membincangkan penyusuan dengan begitu mendalam dalam kitab suci al-Quran, selain diperkuatkan dengan hadis Nabi Muhammad SAW yang menyarankan agar bayi disusukan sehingga usia dua tahun. Panduan ini selari dengan cadangan amalan penyusuan eksklusif oleh badan-badan kesihatan antarabangsa. Keselarasan antara ajaran Islam dan penemuan saintifik membuktikan bahawa penyusuan Eksklusif bukan sekadar ibadah, bahkan suatu usaha murni dalam membina kesihatan bayi dan ketahanan institusi keluarga.

Beberapa kajian terkini turut menyokong dapatan ini. Kajian oleh Zaharah (2023), Zaparackaite et al. (2023), dan Restrepo-Gualteros & Escobar-Córdoba (2022) menegaskan bahawa penyusuan susu ibu memberi kesan signifikan dalam pengurangan risiko jangkitan pernafasan dan gastroenteritis, serta memberi impak kepada perkembangan otak bayi. Zhang et al. (2022) membuktikan bahawa bayi yang menyusu ibu menunjukkan perkembangan korteks frontal yang lebih aktif, yang berkait langsung dengan fungsi kognitif.

Dari sudut teori, kajian ini boleh dikaitkan dengan teori *Attachment* oleh John Bowlby, yang menyatakan bahawa hubungan fizikal dan emosi yang stabil antara ibu dan bayi memberi kesan mendalam terhadap kestabilan emosi dan perkembangan sosial anak. Penyusuan eksklusif yang konsisten sejak awal kelahiran merupakan salah satu bentuk ikatan awal yang menyokong pembentukan *secure attachment*. Secara keseluruhan, sorotan literatur ini menunjukkan bahawa penyusuan eksklusif memberi kelebihan luar biasa dari segi fisiologi, imunologi, neurologi, emosi dan spiritual kepada bayi, serta menyumbang secara langsung kepada kestabilan dan kesejahteraan institusi keluarga.

### **Peranan Ibu Susuan dalam Penyusuan Eksklusif**

Penyusuan Eksklusif bukan sahaja boleh dilaksanakan oleh ibu kandung, malah dalam keadaan tertentu, ia turut boleh dilaksanakan oleh wanita lain yang berperanan sebagai ibu susuan. Menurut Thorley (2009), penyusuan oleh ibu susuan tetap memberi manfaat besar kepada bayi, terutama dari segi pemakanan dan perkembangan awal yang seimbang. Ini menunjukkan bahawa matlamat utama dalam penyusuan Eksklusif adalah memastikan bayi mendapat akses berterusan kepada susu ibu, tanpa mengira sama ada ia datang daripada ibu kandung atau ibu susuan. Peranan ibu susuan jelas mencerminkan keprihatinan sosial dan keperluan masyarakat terhadap pemeliharaan kesihatan bayi melalui penyusuan semula jadi.

Sebelum terciptanya susu formula pada abad ke-20, pilihan utama bagi memberi makanan kepada bayi adalah melalui susu ibu. Zilal (2015) menyatakan bahawa ketika itu, hanya tiga pilihan yang ada: bayi disusukan oleh ibu kandung, oleh ibu susuan, atau berisiko maut akibat kelaparan. Dalam situasi tertentu seperti kematian ibu selepas bersalin atau ketidakmampuan ibu menyusukan bayi atas sebab kesihatan, ibu susuan menjadi alternatif penting yang menyelamatkan nyawa (Wickes, 1952; Steven et al., 2009). Malah dalam tamadun Mesir, Rom dan Yunani, khidmat ibu susuan telah berkembang menjadi satu bentuk pekerjaan yang diiktiraf dan dihargai dalam masyarakat (Zilal, 2015).

Amalan ini turut tercermin dalam sejarah Islam. Selepas disusukan oleh ibunya Aminah, Nabi Muhammad SAW telah mendapat penyusuan daripada Thuwaybah, hamba Abu Lahab, yang turut menyusukan anaknya Masruh, Hamzah bin 'Abd al-Muttalib dan Abu Salamah bin 'Abd

al-Asad al-Makhzumi (al-Mubarakfuri, 2010). Hubungan susuan ini menjadikan mereka semua saudara susuan Nabi SAW. Peristiwa ini memperlihatkan bahawa penyusuan oleh ibu susuan merupakan satu amalan yang diterima, bahkan dihormati dalam masyarakat awal Islam. Dalam konteks hari ini, peranan ibu susuan terus relevan dalam menyokong amalan penyusuan Eksklusif, khususnya dalam keadaan tertentu yang tidak memungkinkan ibu kandung untuk menyusukan anak. Ini menunjukkan bahawa konsep ibu susuan berperanan sebagai pelengkap dalam memastikan kesinambungan penyusuan susu ibu dan kesejahteraan bayi terjamin.

### **Kepentingan Penyusuan Eksklusif kepada Kesihatan dan Tumbesaran Bayi**

Susu ibu merupakan sumber semula jadi yang paling ideal untuk bayi kerana mengandungi segala nutrien yang diperlukan dalam kuantiti dan komposisi yang sesuai dengan sistem tubuh bayi. Kajian menunjukkan bahawa susu ibu sahaja sudah mencukupi untuk memenuhi keperluan nutrisi bayi sepanjang empat hingga enam bulan pertama kehidupan sekiranya diberikan secara eksklusif (Mohd Shukri, 2018). Keistimewaan susu ibu bukan sahaja terletak pada khasiatnya yang lengkap, tetapi juga pada fungsinya dalam menyokong perkembangan fizikal dan mental bayi, serta dalam memberikan perlindungan imun semula jadi daripada jangkitan (Paduraru, 2018).

Dari sudut saintifik dan fisiologi, susu ibu mengandungi kandungan zat yang tidak dapat ditandingi oleh mana-mana susu gantikan. Menurut al-Najjar (2007), susu ibu merupakan formula ciptaan Allah SWT yang tiada bandingan, dirangka khusus untuk memenuhi keperluan tumbesaran bayi sambil melindungi mereka daripada pelbagai penyakit. Kandungan seperti antibodi, enzim, dan faktor imun menjadikan susu ibu sebagai benteng semula jadi yang membentuk asas sistem pertahanan bayi (Restrepo-Gualteros & Escobar-Córdoba, 2022). Daud et al. (2012) menegaskan bahawa susu ibu memiliki keseimbangan zat yang paling sesuai untuk bayi, terutamanya kerana sistem penghadaman dan daya tahan mereka masih belum matang pada peringkat awal kelahiran.

Kesedaran terhadap kepentingan penyusuan Eksklusif ini telah mencetuskan pelbagai inisiatif di peringkat antarabangsa dan tempatan. Penyusuan Eksklusif didefinisikan sebagai pemberian hanya susu ibu kepada bayi selama enam bulan pertama, tanpa sebarang makanan atau minuman lain kecuali ubat atau suplemen tertentu (Couto, Dias, & Oliveira, 2020). Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) bukan sahaja menyarankan amalan ini, malah telah melancarkan program *Baby-Friendly Hospital Initiative (BFHI)* di Ankara, Turki pada tahun 1991 untuk menggalakkan sokongan institusi terhadap penyusuan susu ibu. WHO turut menetapkan 1 hingga 7 Ogos sebagai Minggu Penyusuan Susu Ibu Sedunia, bertujuan meningkatkan kesedaran masyarakat tentang manfaat penyusuan Eksklusif kepada kesihatan bayi dan kesejahteraan institusi keluarga (Petri Volmanen, Ian Darnton-Hill, & B Gonzales, 1992).

### **Perbandingan Nutrisi antara Susu Ibu dan Susu Formula**

Dalam era moden, susu formula semakin meluas penggunaannya, khususnya dalam kalangan ibu berkerjaya yang mencari alternatif kepada penyusuan secara langsung. Walaupun begitu, pelbagai kajian menunjukkan bahawa susu formula tidak mampu menandingi khasiat dan manfaat biologi yang terkandung dalam susu ibu. Kajian Pomeranz et al. (2023) mendedahkan bahawa pengeluar susu formula menggunakan strategi pemasaran yang halus, seperti memasukkan mesej sokongan penyusuan dalam label dan iklan produk, bagi menarik perhatian ibu hamil dan pascapartum. Strategi ini dikhuatiri akan mengelirukan pengguna, kerana mesej tersebut seolah-olah menyamakan keberkesanan susu formula dengan susu ibu, sedangkan secara saintifiknya, perbezaan antara kedua-duanya amat ketara.

Susu ibu mengandung komposisi zat yang jauh lebih unggul berbanding susu formula. Menurut Daud et al. (2012), susu ibu mengandung enam kali ganda lebih protein, lima kali lebih vitamin A, 12 kali ganda karotena, tujuh kali lebih vitamin E, dan tiga hingga empat kali ganda lebih antibodi. Kesemua nutrien ini berfungsi sebagai sistem pertahanan semula jadi bayi, melindungi mereka daripada pelbagai jangkitan. Walaupun susu formula di pasaran menepati piawaian pemakanan antarabangsa, satu kajian di United Kingdom mendapati bahawa komposisinya berbeza-beza antara pengeluar dan masih tidak dapat menyaingi kemampuan imunologi dan neurologi susu ibu (Renfrew, 2012). Malah, susu formula juga tidak memberi sebarang manfaat langsung kepada kesihatan ibu.

Salah satu perbezaan paling signifikan antara susu ibu dan susu formula adalah kehadiran kolostrum, iaitu susu awal yang berwarna kekuningan dan hanya dihasilkan dalam beberapa hari pertama selepas kelahiran (Restrepo-Gualteros & Escobar-Córdoba, 2022). Kolostrum yang kaya dengan antibodi, faktor imun dan zat penting ini langsung tidak wujud dalam susu formula (Talbert et al., 2020; WHO, 2003; 2009). Kolostrum merupakan anugerah Ilahi yang diciptakan dengan hikmah bagi melindungi bayi pada peringkat awal kehidupannya. Sebagaimana firman Allah SWT: *“Al-Quran itu diturunkan oleh (Allah) yang mengetahui rahasia di langit dan di bumi. Sesungguhnya Dia adalah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang”* (Surah al-Furqan, 25:6). Ayat ini mengisyaratkan bahawa setiap ciptaan-Nya adalah dengan pengetahuan yang penuh rahmat, termasuklah pemberian kolostrum sebagai pelengkap kepada kesempurnaan tumbesaran awal anak.

### **Peranan Kolostrum dalam Perlindungan Awal Bayi**

Kolostrum ialah cecair pra-susu berwarna kekuningan yang bersifat alkali dan mula dihasilkan oleh tubuh ibu dalam tempoh lima hari pertama selepas kelahiran. Ia merupakan komponen awal dalam penyusuan susu ibu dan memainkan peranan yang amat penting dalam kehidupan awal bayi (Astuti & Rahfiludin, 2022). Secara semula jadi, kolostrum berfungsi sebagai *vaksin pertama* yang melindungi bayi daripada jangkitan bakteria dan virus. Kandungan proteinnya yang tiga kali ganda lebih tinggi berbanding susu matang menjadikan kolostrum sebagai sumber nutrisi dan perlindungan paling ideal untuk bayi yang baru dilahirkan (Rasip et al., 2024). Oleh itu, sangat penting untuk memastikan bayi menerima kolostrum sebanyak mungkin dalam tempoh awal kehidupannya.

Menurut Jackson et al. (2006), kolostrum mengandung kandungan antibodi yang sangat tinggi, terutamanya immunoglobulin A, serta sejumlah besar sel darah putih yang berfungsi sebagai sistem pertahanan semula jadi bayi. Komponen-komponen ini membantu bayi melawan pelbagai jangkitan, termasuk cirit-birit, selesema, dan pneumonia. Mata & Wyatt (1971) pula menyarankan agar penyusuan dilakukan dengan kerap dalam beberapa hari pertama kelahiran, bagi memastikan bayi memperoleh bekalan kolostrum yang mencukupi. Amalan ini bukan sahaja meningkatkan daya tahan tubuh bayi, tetapi juga mempercepatkan perkembangan sistem imun yang masih belum matang.

Selain antibodi, kolostrum turut mengandung pelbagai nutrien penting seperti immunoglobulin, laktoferin, dan mineral seperti natrium, kalsium, kalium, zink, dan zat besi. Ia juga mengandung vitamin larut lemak A, D, E dan K, serta kandungan lemak dan laktosa yang rendah bagi memudahkan penghadaman. Menurut Sova, Evie & Hasni (2022), pemberian kolostrum dalam tempoh 30 minit pertama selepas kelahiran dapat membantu mengelakkan gangguan sistem penghadaman, infeksi usus, jangkitan salur pernafasan, dan masalah cirit-birit. Ini menjadikannya bukan sahaja penting dari sudut nutrisi, tetapi juga sebagai pelindung



awal yang kritikal dalam mencegah penyakit biasa yang sering menyerang bayi yang baru lahir (Jamil, 2022).

Secara keseluruhannya, kolostrum bukan sahaja menjadi pelengkap kepada konsep penyusuan Eksklusif, tetapi juga bertindak sebagai asas kepada kesihatan bayi yang berpanjangan. Keunikan komposisi biologi kolostrum membuktikan bahawa Allah SWT telah menganugerahkan suatu sistem semula jadi yang amat sempurna untuk menjaga kesejahteraan bayi sejak dari awal kelahirannya. Oleh itu, pemahaman dan kesedaran tentang kepentingan kolostrum perlu diperkukuhkan dalam kalangan ibu bapa dan komuniti, agar setiap bayi memperoleh hak mereka terhadap perlindungan awal ini melalui penyusuan susu ibu yang sempurna.

### **Khasiat Semula Jadi Susu Ibu**

Susu ibu merupakan makanan semula jadi terbaik yang diciptakan khusus untuk bayi. Ia mengandungi nutrien lengkap seperti vitamin, protein, lemak, serta pelbagai elemen penting yang menyokong tumbesaran, perkembangan sistem imun, dan kematangan fisiologi tubuh bayi (Kamarudin, Bahari & Dimon, 2019). Selain itu, susu ibu bersih, bebas bakteria, dan mengandungi komponen anti-infeksi yang menjadikannya makanan perlindungan awal untuk bayi. Hospital Universiti Sains Malaysia (USM) turut mengesahkan bahawa susu ibu berfungsi sebagai agen pencegah jangkitan kuman dengan kandungan bioaktif seperti laktoferin, immunoglobulin, vitamin A dan E, enzim lipase, dan agen anti-radang.

Komponen-komponen ini memainkan peranan kritikal dalam mencegah penyakit seperti jangkitan saluran pernafasan, gastrointestinal, keradangan, anemia, serta *necrotizing enterocolitis* — sejenis penyakit salur pemakanan yang sering berlaku dalam kalangan bayi yang diberi susu formula (Zaparackaite et al., 2023). Selain itu, susu ibu juga mengandungi bifidus factor yang menyokong pertumbuhan bakteria baik dalam usus bayi, sekaligus mengekang pertumbuhan bakteria patogenik. Antibodi daripada ibu turut disalurkan secara langsung melalui penyusuan untuk membina pertahanan awal bayi terhadap jangkitan (CDC, USA). Kesemua ini menjadikan penyusuan susu ibu sebagai asas kukuh dalam membina kesihatan bayi secara holistik (Restrepo-Gualteros & Escobar-Córdoba, 2022).

### **Penyusuan Susu Ibu dan Pencegahan Penyakit**

Penyusuan susu ibu bukan sekadar membekalkan makanan, tetapi turut memainkan peranan utama dalam membina sistem imun bayi. Menurut Dangat et al. (2020), kekurangan penyusuan susu ibu boleh meningkatkan kerentanan bayi terhadap pelbagai penyakit, termasuk penyakit yang berkaitan dengan imunisasi pasif. Kajian Hanson (2004) menunjukkan bahawa susu ibu memberikan perlindungan imun yang aktif dan berubah mengikut keperluan individu bayi dari semasa ke semasa. Malah, manfaat penyusuan turut melibatkan ibu; ia mengurangkan risiko kanser payudara, kanser ovari, penyakit jantung, kemurungan selepas bersalin, dan diabetes jenis 2 (Renfrew, 2012; Al-Nuaimi et al., 2017).

Penyusuan susu ibu juga terbukti melindungi bayi daripada risiko jangkitan mikrobiologi dan alergi. Plaza-Díaz et al. (2018) melaporkan bahawa susu ibu mengandungi antibodi (IgA) yang membantu membina daya tahan tubuh terhadap virus dan bakteria. Susu ibu boleh melindungi bayi daripada gangguan imun seperti asma, penyakit seliak dan sklerosis berganda. Kajian Dell (2001) dan Oddy (2002) turut menyokong dapatan ini, menunjukkan bahawa bayi yang menyusu ibu secara eksklusif mempunyai risiko yang jauh lebih rendah untuk mengalami asma dan ekzema berbanding bayi yang tidak menyusu susu ibu.

### **Penyusuan Susu Ibu dan Risiko Kematian Bayi**

Kepentingan penyusuan susu ibu turut dilihat dari sudut pencegahan kematian bayi. Kajian yang dijalankan oleh Musa (2015) menunjukkan bahawa bayi yang menyusu susu ibu secara eksklusif kurang mengalami gejala cirit-birit, jangkitan usus dan saluran pernafasan, berbanding bayi yang diberikan susu formula. Pusat Pencegahan Malnutrisi Kanak-Kanak di Brazil melaporkan bahawa bayi yang tidak menyusu ibu mempunyai risiko kematian akibat cirit-birit sebanyak 25 kali ganda lebih tinggi. Selain itu, penyusuan ibu turut dikaitkan dengan penurunan kes sindrom kematian bayi mengejut (SIDS) (Ruuska, 1992).

Mathur & Dhingra (2013) pula menunjukkan bahawa penyusuan susu ibu membekalkan imunisasi pasif terhadap pelbagai virus dan bakteria yang mampu mengurangkan kadar kematian bayi. WHO menganggarkan bahawa penyusuan eksklusif boleh mengurangkan 13% daripada jumlah keseluruhan kematian bayi di bawah usia lima tahun di negara berpendapatan rendah. Ini menunjukkan bahawa penyusuan susu ibu tidak hanya melindungi dari penyakit tetapi juga menyelamatkan nyawa dalam skala populasi yang besar, sekaligus menegaskan keperluan mendesak untuk mempromosikan penyusuan eksklusif secara meluas.

### **Pengaruh Penyusuan Susu Ibu terhadap Perkembangan Otak**

Susu ibu bukan sahaja penting untuk imuniti dan kelangsungan hidup, tetapi juga memberi kesan besar terhadap perkembangan neurologi bayi. Kajian oleh Zhang et al. (2022) menunjukkan bahawa bayi yang diberi susu ibu mempunyai volum jirim kelabu yang lebih besar dalam kawasan otak penting seperti lobus frontal, lobus temporal dan nukleus caudate. Selain itu, pengaktifan otak yang lebih tinggi dikesan dalam kawasan gyrus temporal superior kanan menerusi imbasan fMRI, berbanding bayi yang diberi susu formula. Kajian ini membuktikan bahawa penyusuan susu ibu merangsang perkembangan struktur otak secara signifikan sejak awal kelahiran.

Perkembangan otak yang sihat dalam tempoh awal sangat penting untuk keupayaan kognitif dan fungsi mental jangka panjang bayi. Kandungan nutrisi khusus dalam susu ibu seperti DHA, kolina dan nukleotida memainkan peranan penting dalam menyokong perkembangan neuron dan transmisi saraf (Dangat et al., 2020). Oleh itu, penyusuan susu ibu memberikan asas neurobiologi yang kukuh bagi perkembangan kognitif anak dalam jangka panjang. Ini turut menyokong hujah bahawa penyusuan eksklusif bukan sahaja mencukupi secara fizikal, tetapi juga penting bagi kesihatan mental dan perkembangan intelektual bayi (Paduraru, 2018).

### **Cabaran dan Usaha Meningkatkan Penyusuan Eksklusif di Malaysia**

Walaupun manfaat penyusuan susu ibu telah dibuktikan melalui pelbagai kajian saintifik di peringkat global, kadar amalan penyusuan eksklusif di Malaysia masih rendah (Lemin, Annamma, & Puziah, 2023). Kajian oleh Mahdizam & Vivien (2018) mendapati bahawa Malaysia merupakan antara negara Asia yang tertinggi dalam penggunaan susu formula. Hanya dua daripada tujuh bayi menerima susu ibu selama empat bulan pertama, manakala kadar penyusuan eksklusif hanya sekitar 18%. Situasi ini menunjukkan bahawa wujud jurang yang besar antara kesedaran ilmiah dan amalan sebenar dalam kalangan masyarakat, terutamanya ibu berkerjaya (Shohaimi, 2022).

Mohd Shukri (2018) melaporkan bahawa hanya 28% ibu Melayu di Malaysia mengamalkan penyusuan susu ibu secara eksklusif selama enam bulan. Antara cabaran utama yang dikenalpasti termasuklah tahap pengetahuan yang rendah dalam kalangan ibu serta kekurangan sokongan sosial yang berterusan. Faktor-faktor ini secara langsung menjejaskan kemampuan

ibu untuk mengekalkan amalan penyusuan eksklusif, terutamanya dalam kalangan wanita berkerjaya dan komuniti berpendapatan rendah (Zaharah, 2023). Keadaan ini mencerminkan keperluan mendesak kepada pendekatan sistematik dan sokongan menyeluruh bagi memperkukuh amalan penyusuan dalam kalangan masyarakat.

Sebagai usaha memperbaiki situasi tersebut, kerajaan Malaysia melalui Kementerian Kesihatan telah melaksanakan pelbagai inisiatif sejak tahun 2008, termasuk penubuhan Pusat Laktasi Kebangsaan dan penggubalan Polisi Penyusuan Susu Ibu Kebangsaan pada tahun 2014. Di samping itu, Dasar Pemakanan Kebangsaan dan Polisi Hospital Rakan Bayi turut diperkenalkan bagi memastikan penyusuan susu ibu disokong dari aspek dasar, infrastruktur dan latihan. Kerjasama strategik dengan organisasi bukan kerajaan (NGO) dan institusi pengajian tinggi juga diperkukuh untuk menyediakan latihan, sumber maklumat, dan jaringan sokongan yang meluas kepada ibu menyusu (Mohd Shukri, 2018). Kesemua inisiatif ini menunjukkan komitmen kerajaan dalam membudayakan penyusuan eksklusif secara berstruktur, mampan dan inklusif.

### **Galakan Penyusuan Susu Ibu dalam Syariat Islam**

Islam sangat mengambil berat terhadap isu penyusuan susu ibu. Dalam sistem kekeluargaan Islam, terdapat satu bab khas yang dinamakan *al-Rada'ah* yang membincangkan secara terperinci tentang penyusuan susu ibu (Rasip et al., 2024). Menariknya, Islam merupakan satu-satunya agama yang membicarakan isu ini secara jelas dalam kitab suci al-Quran, selain turut ditegaskan dalam pelbagai hadith Nabi SAW. Al-Quran menggalakkan para ibu menyusukan anak selama dua tahun penuh bagi mereka yang ingin menyempurnakan penyusuan, sebagaimana firman Allah dalam Surah al-Baqarah ayat 233. Ayat ini juga menjelaskan tanggungjawab bapa untuk menyediakan nafkah dan pakaian bagi menyokong proses penyusuan tersebut, serta memberi ruang kepada perbincangan ibu bapa dalam menentukan tempoh penyusuan yang sesuai (al-Sayuti & al-Mahali t.t.)

Galakan penyusuan ini turut ditegaskan dalam Surah Luqman ayat 14 yang menyatakan bahawa penyusuan berlangsung selama dua tahun, sebagai sebahagian daripada penghargaan terhadap pengorbanan ibu. Menurut al-Sobuni (2001), ayat ini memperlihatkan keperitan dan kelemahan yang ditanggung ibu dalam mengandung dan menyusukan anak. Al-Zuhaili (2018) pula menyatakan bahawa penyusuan selama dua tahun ini menjadi dasar kepada penentuan status mahram susuan dalam hukum syarak. Dalam hal ibu tidak berkemampuan menyusukan anak, Islam membenarkan penggunaan ibu susuan dan mewajibkan bapa untuk memberi upah kepada mereka, seperti dinyatakan dalam Surah at-Talaq ayat 6 (al-Sobuni, 2001).

Hadith-hadith Nabi SAW turut menjelaskan bahawa hanya penyusuan yang berlaku dalam lingkungan dua tahun menjadikan hubungan mahram antara anak dan ibu susuan. Hal ini diperkuatkan dengan sabda Rasulullah SAW: "Tidak dikira anak susuan kecuali dilakukan dalam lingkungan umur dua tahun" (Riwayat ad-Daraqutni). Jumhur fuqaha seperti Imam Malik, Syafie dan Ahmad menerima pendapat ini, manakala Imam Abu Hanifah berpendapat bahawa had penyusuan ialah dua tahun enam bulan berdasarkan Surah al-Ahqaf ayat 15 (al-Sobuni, t.t.). Meskipun terdapat perbezaan pendapat, prinsip asasnya ialah Islam menekankan pentingnya penyusuan dalam tempoh awal kehidupan demi kesejahteraan anak.

### **Hikmah Syariah dalam Pensyariatan Penyusuan dan Kesannya**

Pensyariatan penyusuan dalam Islam bukan sahaja bersifat jasmani, malah juga merangkumi aspek kerohanian dan pendidikan awal anak. Firman Allah dalam Surah al-Nisa' ayat 23 menyatakan bahawa ibu susuan dan saudara susuan termasuk dalam kategori mahram. Hadith-hadith seperti yang diriwayatkan oleh Ibn Abbas dan Aisyah RA menegaskan bahawa penyusuan mengharamkan perkahwinan sebagaimana hubungan darah (Riwayat al-Bukhari dan Muslim). Hal ini menunjukkan betapa Islam meletakkan penyusuan sebagai asas pembentukan hubungan sosial dan kekeluargaan yang teratur. Rasulullah SAW sendiri menjelaskan bahawa hanya penyusuan yang menumbuhkan tulang dan daging yang boleh mewujudkan hukum mahram (Riwayat Abu Dawud).

Selain dari aspek hukum, penyusuan juga memainkan peranan penting dalam pembangunan akhlak dan emosi anak. Sabda Rasulullah SAW menyatakan bahawa penyusuan yang sempurna akan memberikan kekuatan fizikal dan emosi kepada bayi (Riwayat Tirmidzi). Oleh itu, penyusuan bukan sekadar pemakanan, tetapi menjadi satu proses pendidikan awal yang sangat bernilai. Menurut Rasip (2022), penyusuan susu ibu juga merupakan komponen penting dalam pendidikan awal kanak-kanak yang disyariatkan kepada wanita kerana sifat keibuan yang unik dalam diri mereka.

Namun begitu, realiti menunjukkan bahawa masih ramai ibu, khususnya yang berkerjaya, tidak dapat menyempurnakan penyusuan dua tahun seperti yang disarankan. Menurut Musa (2015), kefahaman terhadap konsep penyusuan memang wujud, tetapi pelaksanaan secara konsisten masih rendah. Oleh itu, kesedaran, sokongan keluarga dan polisi kerajaan adalah penting untuk memastikan pensyariatan ini benar-benar memberi kesan kepada pembangunan generasi yang sihat, seimbang dan berakhlak.

### **Kesimpulan**

Penyusuan eksklusif merupakan satu anugerah Ilahi yang bukan sahaja memenuhi keperluan biologi dan pemakanan bayi secara semula jadi, malah menggambarkan kehebatan sistem ciptaan Allah SWT dalam menjaga kelangsungan hidup manusia sejak detik pertama kelahiran. Ia mencerminkan kasih sayang dan rahmat Tuhan dalam memastikan bayi membesar dengan nutrisi terbaik yang tidak boleh ditandingi oleh ciptaan manusia. Penekanan Islam terhadap penyusuan melalui ayat-ayat al-Quran dan hadith membuktikan bahawa amalan ini bukan hanya isu kesihatan, tetapi juga mempunyai nilai spiritual dan hukum yang tinggi dalam membentuk institusi kekeluargaan yang kukuh, harmonis dan seimbang. Bahkan, kisah Nabi Musa A.S. memperlihatkan bagaimana penyusuan menjadi elemen penting dalam menghubungkan emosi antara ibu dan anak, di samping menjadi asbab utama kembalinya anak kepada pangkuan ibunya. Oleh itu, penyusuan eksklusif harus dilihat sebagai satu usaha ibadah yang mencerminkan penghayatan terhadap fitrah kemanusiaan dan keibuan yang suci.

Kajian-kajian kontemporari dalam bidang kesihatan dan pemakanan kanak-kanak turut mengesahkan kelebihan luar biasa penyusuan eksklusif, khususnya melalui pemberian kolostrum yang kaya dengan antibodi, faktor imun dan nutrien penting. Kolostrum bertindak sebagai vaksin semula jadi pertama bagi bayi, dan pemberiannya dalam tempoh 30 minit pertama kelahiran sangat penting untuk mencegah pelbagai jangkitan. Selain itu, kandungan nutrien unik dalam susu ibu seperti DHA, imunoglobulin dan bifidus factor terbukti memberi impak positif terhadap perkembangan fizikal, neurologi dan sistem imun bayi. Penyusuan eksklusif juga membantu mengurangkan risiko kematian bayi akibat cirit-birit, jangkitan saluran pernafasan dan sindrom kematian mengejut (SIDS). Sementara itu, susu formula

walaupun kelihatan moden dan mudah didapati, tidak mampu menandingi fungsi biologi dan perlindungan semula jadi yang diberikan oleh susu ibu. Oleh itu, penyusuan eksklusif perlu dikekalkan dan dipertahankan sebagai satu amalan terbaik dalam membesarkan anak-anak yang sihat, kuat dan cerdas.

Secara keseluruhan, objektif kajian ini untuk meneliti kelebihan penyusuan eksklusif daripada perspektif saintifik dan Islam, termasuk peranan kolostrum, ibu susuan, dan pendekatan syariah telah dicapai sepenuhnya melalui analisis literatur yang menyeluruh dan interdisiplin. Dari segi sumbangan, kajian ini memberi nilai tambah kepada bidang kesihatan awam dan pengajian Islam dengan menyatukan dapatan saintifik terkini bersama prinsip syariah. Ia juga menyumbang kepada pengukuhan amalan dasar seperti Dasar Pemakanan Kebangsaan dan Polisi Hospital Rakan Bayi, serta memperkukuh justifikasi syariah terhadap penyusuan sebagai suatu kewajipan sosial dan agama. Kajian ini turut memberi asas kepada pengembangan teori keibubapaan Islam dan perkembangan awal kanak-kanak dalam konteks spiritual dan fisiologi, serta mengaitkan amalan penyusuan dengan Teori Attachment oleh Bowlby yang menyokong kepentingan ikatan awal ibu-anak.

Walau bagaimanapun, pelaksanaan penyusuan masih berdepan pelbagai cabaran yang nyata, terutama dalam kalangan ibu berkerjaya yang terikat dengan komitmen masa dan suasana kerja yang tidak kondusif. Dalam keadaan ini, peranan ibu susuan menjadi sangat signifikan, menunjukkan bahawa masyarakat perlu kembali kepada pendekatan tradisional yang berakar dalam budaya dan agama. Pada masa sama, usaha kerajaan melalui penggubalan dasar, penubuhan Pusat Laktasi, kempen Hospital Rakan Bayi dan jaringan kerjasama dengan NGO harus terus diperkasa untuk memperluas akses maklumat, kemudahan dan sokongan kepada para ibu. Tambahan pula, penghayatan terhadap ajaran Islam yang meletakkan penyusuan sebagai tanggungjawab bersama antara ibu dan bapa dapat membantu mengukuhkan amalan ini secara menyeluruh. Oleh itu, penyusuan eksklusif bukan sekadar satu pilihan pemakanan, bahkan merupakan satu bentuk ibadah, amanah, dan pelaburan jangka panjang dalam membina generasi yang sihat tubuh badan, seimbang dari segi emosi dan teguh jati diri.

Cadangan untuk kajian masa depan ialah menjalankan kajian empirikal berasaskan data lapangan, termasuk soal selidik terhadap ibu menyusu dan temu bual bersama pengamal perubatan serta agamawan, bagi menilai faktor sebenar yang menyumbang kepada kejayaan atau kegagalan amalan penyusuan eksklusif. Ini juga dapat mengenal pasti jurang dasar atau pelaksanaan yang wujud dalam konteks tempatan. Sebagai penambahbaikan, pendekatan intervensi komuniti, pendidikan praperkahwinan, dan latihan ibu bapa berasaskan agama serta sains kesihatan perlu dirangka secara lebih menyeluruh agar penyusuan eksklusif dapat dijadikan budaya yang lestari dalam kalangan masyarakat Muslim di Malaysia.

### **Penghargaan**

Kami ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah memberikan sokongan dalam penyediaan kajian ini. Selain itu, tiada sebarang konflik kepentingan yang dilaporkan oleh penulis.

### **Rujukan**

- Afrida, R. R., & Sulistyorini, Y. (2024). Hubungan pemberian ASI eksklusif terhadap perkembangan bayi: A systematic literature review. *Holistik*, 18(6), 795–803.
- Al-Najjar, Z. (2007). *Pembuktian sains dalam sunnah*. Jakarta: Amzah.



- Al-Nuaimi, N., Katende, G., & Arulappan, J. (2017). Breastfeeding trends and determinants: Implications and recommendations for Gulf Cooperation Council countries. *Sultan Qaboos University Medical Journal*, 17(2), 155–161.
- Al-Sayuti, J. A. R. B. A. B., & Al-Mahalli, J. M. B. A. (n.d.). *Tafsir al-Jalalain*. Beirut: Dar al-Maarif.
- Al-Sobuni, M. A. (2001). *Al-Tafsir al-Wadhih al-Muyassar*. Beirut: Al-Maktab Al-Aridah.
- Al-Sobuni, M. A. (n.d.). *Rowa'i al-Bayan: Tafsir Ayat al-Ahkam Min al-Quran*. Damsyik: Maktab Al-Ghazali.
- Al-Zuhaili, W. (2018). *Tafsir al-Munir*. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd.
- Astuti, D., & Rahfiludin, M. Z. (2022). Factors related to colostrum feeding of postpartum mother at public health center in Kudus. *Journal of Health Educationkerja*, 2, 75–81.
- Couto, G. R., Dias, V., & Oliveira, I. D. J. (2020). Benefits of exclusive breastfeeding: An integrative review. *Nursing Practice Today*, 4(7), 245–254.
- Dangat, K., Khaire, A., Chavan-Gautam, P., & Joshi, S. (2020). Breast milk components and neurodevelopment of children. *Indian Journal of Public Health Research and Development*, 11(8), 32–37.
- Daud, N., Mohd Kusrin, Z., Hamjah, S. H., & Omar, A. F. (2012). Penyusuan dan bank susu menurut Islam. *Islammiyyat*, 34, 107–118.
- Dell, S. (2001). Breastfeeding and asthma in young children. *Archives of Pediatrics & Adolescent Medicine*, 155, 1261–1265.
- Else-Quest, N. M., Hyde, J. S., & Clark, R. (2003). Breastfeeding, bonding, and the mother-infant relationship. *Merrill-Palmer Quarterly*, 49(4), 495–517.
- Evie, S., & Hasni. (2022). Edukasi manfaat pemberian kolostrum pada bayi baru lahir dan teknik menyusui yang sebenar. *Jurnal Pengabdian Masyarakat Lentora*, 1(2), 27–32.
- Hospital USM. (2016). *Penyusuan susu ibu secara eksklusif*. Laman Web Rasmi Hospital Rakan Bayi Hospital USM. Retrieved from <https://h.usm.my>
- Ibn Kathir. (1985). *Tafsir al-Quran al-Azim*. Beirut: Dar Ihya Al-Turath Al-Arabi.
- Jamil, M. A. S. (2022). Early infant feeding and allergic respiratory diseases in Ibb City, Yemen. *European Journal of Medicine*, 27(1), 35.
- Kamarudin, N., Bahari, N., & Dimon, Z. (2019). Keistimewaan dan faedah amalan penyusuan susu ibu. In *5th International Seminar on Islamiyyat Studies, IRSYAD 2019* (eISBN 978-967-2122-82-1).
- Kementerian Kesihatan Malaysia. (2021). *Dasar Pemakanan Kebangsaan Malaysia*. Putrajaya: Kementerian Kesihatan Malaysia.
- Kementerian Kesihatan Malaysia. (n.d.). *Polisi Hospital Rakan Bayi* [News]. Retrieved July 8, 2023, from <https://jknsarawak.moh.gov.my/hsa/polisi-hospital-rakan-bayi/>
- Khotimah, K., As Satillah, S., Fitriani, V., Miranti, M., Maulida, S. M., Hasmalena, H., Pagarwati, L. D. A., & Zulaiha, D. (2024). Analisis manfaat pemberian ASI eksklusif bagi ibu menyusui dan perkembangan anak. *Jurnal Penelitian dalam Bidang Pendidikan Anak Usia Dini*, 31(2), 254–266.
- Lemin, A., Annamma, M., & Puziah, Y. (2023). Knowledge, attitude and practice on exclusive breastfeeding among mothers of a private hospital at Sarawak, Malaysia. *Nur Primary Care*, 7(1), 1–6.
- Mahdizam, S. N. H., & Vivien, W. C. Y. (2018). Penyusuan bayi dalam kalangan wanita berkerjaya: Satu tinjauan. *Jurnal Wacana Sarjana*, 2(1), 1–10.
- Mata, L. J., & Wayatt, R. G. (1971). The uniqueness of human milk: Host resistance to infection. *American Journal of Clinical Nutrition*, 24(8), 976–986.
- Mathur, N., & Dhingra, D. (2013). Breastfeeding. *The Indian Journal of Pediatrics*, 81(2), 143–149.

- Mohd Shukri, N. A. (2018). Exclusive breastfeeding: Knowledge, attitude, practice, and its determinants among Malay mothers in Ampang, Selangor. *International Journal of Humanities and Applied Sciences*, 2(1), 117–128.
- Musa, S., Masri, A. M., & Nasir, M. N. (2015). Penyusuan susu ibu menurut perspektif Islam. *World Academic and Research Congress 2015 (World-AR 2015)*, Ar-Rahim Hall, YARSI University, Jakarta, 240–248.
- Oddy, W. H. (2002). Maternal asthma, infant feeding, and risk of asthma in childhood. *Journal of Asthma and Clinical Immunology*, 110, 67–67.
- Paduraru, D. I. (2018). The evidence for the benefits from breast milk in the neurodevelopment of premature babies: A review of the recent literature. *Journal of Mind and Medical Sciences*, 5(2), 151–157.
- Plaza-Díaz, J., Fontana, L., & Gil, A. (2018). Human milk oligosaccharides and immune system development. *Nutrients*, 10(8), 1038.
- Pomeranz, J. L., Chu, X., Groza, O., Cohodes, M., & Harris, J. L. (2023). Breastmilk or infant formula? Content analysis of infant feeding advice on breastmilk substitute manufacturer websites. *Public Health Nutrition*, 26(5), 934–942.
- Pusat Laktasi Kebangsaan Kementerian Kesihatan Malaysia. (2008). Retrieved July 8, 2023, from <https://nlc.moh.gov.my/kami/>
- Qutb, S. (1983). *Fi Zilal al-Quran*. Beirut: Dar Al-Syuruk.
- Rasip, Z. M. (2022). *Membongkar mukjizat saintifik al-Quran*. Selangor: Pustaka Salam.
- Rasip, Z. M., Hamzah, A. H., Ibrahim, H., & Tan Abdullah, N. A. M. (2024). A comprehensive examination of exclusive breastfeeding through Quranic and Hadith perspectives alongside scientific insights. *International Journal of Academic Research in Business & Social Sciences*, 14(6), 1383–1398.
- Rasip, Z. M., Kadri, R., Ramlee, Y., & Yahi, M. (2024). Exclusive breastfeeding: Its benefits from Islamic and scientific perspective. *International Journal of Academic Research in Business & Social Sciences*, 14(12), 2649–2663.
- Restrepo-Gualteros, S. M., & Escobar-Córdoba, F. (2022). Breastfeeding, nature's gift for infant growth and development. *Revista de La Facultad de Medicina*, 69(4), 1–2.
- Ruuska, T. J. (1992). Occurrence of acute diarrhea in atopic and non-atopic infants: The role of prolonged breastfeeding. *Pediatric Gastroenterology and Nutrition*, 14, 27–33.
- Saari, Z. (2015). *Model garis panduan penyusuan anak angkat menurut perspektif fiqh dan sains* (Tesis Doktor Falsafah). Universiti Teknologi Malaysia.
- Shohaimi, N. M., Mazelan, M. F. M., Ramanathan, K., Hazizi, M. S. M., Leong, Y. N., Cheong, X. B., Ambigapathy, S., & Cheong, A. T. (2022). Intention and practice on breastfeeding among pregnant mothers in Malaysia and factors associated with practice of exclusive breastfeeding: A cohort study. *PLOS ONE*, 17(1), e0262401.
- Thorley, V. (2009). Mothers' experiences of sharing breastfeeding or breastmilk: Co-feeding in Australia 1978–2008. *Breastfeeding Review: Professional Publication of the Australian Breastfeeding Association*, 17(1), 9–18.
- Wickes, I. G. (1952). A history of infant feeding: Part I: Primitive peoples, ancient works, renaissance writers. *Archives of Disease in Childhood*, 28(138), 151–158.
- World Health Organization. (2011). *Exclusive breastfeeding for six months best for babies everywhere*. Media Center.
- World Health Organization. (n.d.). *Exclusive breastfeeding for optimal growth, development and health of infants*. Retrieved from [https://www.who.int/elena/titles/exclusive\\_breastfeeding/en/](https://www.who.int/elena/titles/exclusive_breastfeeding/en/)
- Zaharah, S. (2023). Scope survey study: Knowledge, attitudes, and practices of breastfeeding among working women. *Jurnal Evolusi*, 4(2), 1–10.

- Zaparackaite, I., Bhattacharya, D., Singh, S., Correia, R., Swamy, K., Midha, P., & Patel, R. (2023). Impact of breastfeeding on respiratory and gastrointestinal infections in infants of Muslim mothers of Kolkata, India. *MGM Journal of Medical Sciences*, 10(2), 370–372.
- Zhang, Y., Deng, Q., Wang, J., Wang, H., Li, Q., Zhu, B., Ji, C., Xu, X., & Johnston, L. (2022). The impact of breast milk feeding on early brain development in preterm infants in China: An observational study. *PLOS ONE*, 17(11), e0272125.